

Panduan Menulis Karangan Bahasa Inggeris Kertas 1 SPM

Bahagian A : Directed Writing

Langkah 1: Kenalpasti format karangan.

1. Surat rasmi (*Formal letter*)

- a. Mesti ada alamat pengirim, penerima, tarikh, perkara, tandatangan dan nama
- b. Semua terletak di sebelah kanan

2. Surat tidak rasmi (*Informal letter*)

- a. Mesti ada alamat pengirim dan tanda tangan pengirim
- b. Semua terletak di bahagian kiri

3. Laporan (*Report*)

- a. Mesti ada tajuk nama penulis, pangkat, nama organisasi dan organisasi
- b. Tajuk digaris dan di bahagian atas sebelum isi laporan
- c. Nama penulis, pangkat, nama organisasi dan organisasi di akhir laporan sebelah kiri

4. Artikel (*article*)

- a. Seperti karangan biasa

5. Ucapan (*speech/talk*)

- a. Dimulakan dengan ucap selamat (*salutation*) kepada hadirin, perkenalkan diri dan sebab berucap

Langkah 2: Kembangkan semua *points* (isi)

Untuk karangan berpandu, isi karangan telah diberi tetapi pendek sahaja dan dalam bentuk *points*. Anda perlu kembangkan lagi isi karangan dengan menambah beberapa perkataan atau beberapa ayat untuk setiap isi yang diberi. Untuk memastikan struktur bahasa adalah betul, anda harus mematuhi *subject- verb agreement*.

B: *Start writing an essay* (Mula tulis karangan)

Langkah 3 : Mula menulis karangan anda.

Pastikan karangan anda mempunyai;

1. *Introduction* (Pendahuluan)
2. *Body* (Isi)
3. *Ending* (Penutup)

Bagi *report* (laporan) dan semua isi penting dimasukkan kebahagian *introduction*.

Bagi *letter*, *speech/talk* (ucapan) dan *article* (artikel) isi penting semua isi penting (5W1H) di masukkan kebahagian *body*

Di bahagian *Introduction*, anda mesti nyatakan:

1. Tajuk karangan anda
2. Definasi tajuk karangan anda

Di bahagian *body*, bahagikan semua main points kepada beberapa perenggan dan perenggan-perenggan itu pula akan diisi dengan sub points yang telah dikembangkan isinya

Di bahagian *ending*, anda perlu membuat kesimpulan karangan anda. Ia perlulah merangkumi segala main points yang telah anda bincangkan dalam perenggan-perenggan sebelumnya.

Langkah 4: Hubungkan semua *points* dengan *sequence connector*.

Gunakan *sequence connectors* untuk permulaan setiap perenggan.

1. Firstly
2. Next
3. Later
4. After that
5. Finally

Langkah 5 : Periksa ejaan, jumlah perkataan dan format karangan anda. Pastikan ia mengikut kehendak soalan.

Bahagian B : Continues Writing

A : Preparing a draf (Menyediakan rangka karangan)

Ramai murid yang terus mula menulis karangan dan tidak menyediakan draf karangan mereka dahulu. dengan menulis draf, murid dapat melihat secara kasar hasil karangan mereka. Dari situlah mereka boleh memperbetulkan atau menambah dimana yang perlu dan dapat menyiapkan karangan dalam masa yang diperuntukkan

Langkah 1

Pilih tajuk karangan anda. Cari isi penting dengan menggunakan kaedah melemparkan soalan iaitu 5W1H. Apakah yang dikatakan 5W1H?

1. *Who (Siapa)*
2. *What (Apa)*
3. *Where (Di mana)*
4. *When (Bila)*
5. *Why (Kenapa)*
6. *How (Bagaimana)*

Langkah 2

Daripada semua soalan yang dikemukakan di atas, anda seharusnya mencari jawapan yang sesuai. Jawapan inilah yang akan menjadi *main points* (isi penting) untuk karangan anda.

Langkah 3

Seterusnya, dari setiap *main points* tersebut anda perlu hasilkan beberapa *sub points* (isi tambahan). Buatlah beberapa *sub points* untuk setiap *main points* sekurang-kurangnya 2 atau 3.

Langkah 4

Selepas itu, kembangkan kesemua *main points* dan *sub points* supaya karangan anda mempunyai isi yang banyak, panjang mengikuti kehendak soalan dan menarik untuk dibaca. Untuk memastikan struktur bahasa adalah betul, anda harus mematuhi *subject- verb agreement*.

B: Start writing an essay (Mula tulis karangan)

Langkah 5

Mula menulis karangan anda. Pastikan karangan anda mempunyai:

1. *Introduction* (Pendahuluan)
2. *Body* (Isi)
3. *Ending* (Penutup)

Di bahagian *Introduction*, anda mesti nyatakan;

1. Tajuk karangan anda
2. Definasi tajuk karangan anda

Di bahagian *body*, bahagikan semua *main points* kepada beberapa perenggan dan perenggan-perenggan itu pula akan diisi dengan *sub points* yang telah dikembangkan isinya

Di bahagian *ending*, anda perlu membuat kesimpulan karangan anda. Ia perlulah merangkumi segala *main points* yang telah anda bincangkan dalam perenggan-perenggan sebelumnya.

Langkah 6

Periksa ejaan, jumlah perkataan dan format karangan anda. Pastikan ia mengikut kehendak soalan.